## FAQ 1 : SKROL DAN TRANSKRIP AKADEMIK

<table>
<tr><th>BIL.</th><th>SOALAN</th><th>JAWAPAN</th></tr>
<tr><td>1</td><td>Saya sudah menamatkan pengajian di UPSI. Bolehkah saya datang ke kampus untuk mengambil transkrip penuh?</td><td>Ya.</td></tr>
<tr><td>2</td><td>Saya telah menghadiri Istiadat Konvokesyen tetapi jubah saya telah dipulangkan oleh wakil. Persoalannya bolehkah saya menuntut Skrol saya kerana wakil terlupa untuk mengambilnya pada waktu itu?</td><td>Boleh. Skrol boleh diambil melalui tiga kaedah iaitu:
<table>
<tr><td>1.</td><td>Hadir sendiri ke kaunter Unit Pengijazahan</td><td>Saudara/i perlu membawa<br>1. Borang Permohonan Transkrip dan Skrol<br>2. Resit Yuran Konvokesyen<br>3. Resit Bayaran Denda (sekiranya ada)<br>4. Slip Kajian Pengesanan Graduan (SKPG)</td></tr>
<tr><td>2.</td><td>Wakil</td><td>Hadir ke kaunter Unit Pengijazahan mewakili pemohon dengan membawa bersama:<br>1. Borang Permohonan Transkrip dan Skrol<br>2. Salinan Kad Pengenalan pemohon dan wakil<br>3. Slip Kajian Pengesanan Graduan (SKPG)<br>4. Resit Yuran Konvokesyen<br>5. Resit Bayaran Denda (sekiranya ada)</td></tr>
<tr><td>3.</td><td>Pos<br>* Hanya kepada graduan yang tidak menghadiri Istiadat Konvokeysen sahaja</td><td>Emelkan permohonan kepada Unit Pengijazahan :<br>1. Borang Permohonan Transkrip dan Skrol<br>2. Resit Yuran Konvokesyen<br>3. Resit Bayaran Denda (sekiranya ada)<br>4. Slip Kajian Pengesanan Graduan (SKPG)</td></tr>
</table></td></tr>
<tr><td>3</td><td>Bilakah tarikh untuk saya datang dan bagaimana prosedurnya?</td><td>Pelajar boleh datang 14 hari bekerja selepas Mesyuarat Senat atau membuat semakan secara atas talian melalui Sistem Surat Tamat Pengajian https://emysis.upsi.edu.my/grads/</td></tr>
<tr><td>4</td><td>Bolehkah saya memohon pihak Unit Pengijazahan untuk mengepos Transkrip Akademik saya?</td><td>Tidak. Unit Pengijazahan tidak menyediakan perkhidmatan pengeposan bagi Transkrip Akademik. Pengeposan hanya terhad kepada Graduan yang berstatus tamat pengajian dan tidak dapat menghadiri Istiadat Konvokesyen serta tiada sebarang hutang dengan pihak UPSI.</td></tr>
</table>

| | | |
|---|---|---|
| 5 | Saya baru tamat pengajian diploma dan ingin menyambung pengajian ke peringkat sarjana muda. Bolehkah saya mendapatkan salinan secara *softcopy* salinan transkrip dan skrol? | Tidak. Unit Pengijazahan tidak menyediakan perkhidmatan salinan transkrip atau skrol secara *softcopy*. |
| 6 | Saya sudah tamat pengajian di UPSI pada tahun 2020 dan telah mendapatkan Transkrip Akademik dan Skrol rasmi. Walau bagaimanapun, rumah saya telah dilanda banjir dan menyebabkan Skrol saya rosak, bolehkah saya mendapatkan salinan kedua? Bagaimanakah prosedurnya? | Bagi Permohonan Cetakan Kedua Transkrip Akademik atau Skrol, saudara/i perlu menghantar satu surat permohonan ke Unit Pengijazahan, BHEA melalui email rasmi pengijazahan.bhea@upsi.edu.my .<br><br>Berikut merupakan dokumen yang diperlukan:<br>1. Surat Pemohonan Cetakan Kedua<br>2. Slip Resit Bayaran Denda Cetakan Kedua (bayaran denda boleh dilakukan secara atas talian di e-payment UPSI<br>3. Salinan Laporan Polis (Jika berlaku banjir, kecurian dll)<br>4. Memaklumkan tarikh pengambilan dan nama wakil (jika berkaitan) |
| 7 | Bilakah saya boleh mengemaskini maklumat di dalam portal? | Sepanjang masa. Bagi pelajar tahun akhir perlu dilakukan segera sebelum proses cetakan transkrip. |
| 8 | Terdapat kesilapan nama saya di dalam portal pelajar. Bagaimana prosedur untuk mengemaskini perubahan nama pada portal saya? | Emelkan Salinan Kad Pengenalan ke utma@upsi.edu.my untuk kemaskini maklumat.<br><br>Proses ini perlu dilakukan sebelum cetakan Transkrip Akademik atau Skrol bagi mengelakkan didenda. |
| 9 | Saya telah mengikuti pertukaran pelajar di universiti tempatan / antarabangsa. Semasa mengambil transkrip didapati semester tersebut tidak dinyatakan di dalam Transkrip Akademik saya. Bagaimanakah cara untuk membetulkannya dan mendapatkan transkrip yang baharu? | Mohon maklumkan masalah tersebut dalam tempoh 1-3 hari bekerja selepas menerima Transkrip Akademik.<br><br>Kelewatan berbuat demikian akan didenda RM10.00 untuk cetakan kali kedua. |

## FAQ 2 : STRUKTUR PENGAJIAN

| BIL. | SOALAN | JAWAPAN |
|---|---|---|
| 1 | Bagaimana saya ingin mengetahui sama ada saya layak atau tidak bergraduat? | Pelajar perlu memastikan telah mengambil setiap kursus yang dinyatakan di dalam Struktur Pengajian masing-masing serta telah mencapai Band MUET yang ditetapkan mengikut program.<br><br>Pelajar perlu mengulang kursus yang gagal dan mengenal pasti senarai kursus yang perlu diulang sekiranya mendapat gred C-. |
| 2 | Jika saya tersalah mendaftar komponan kursus bagi Kokurikulum, perlukah saya mendaftar semula? | Ya, pelajar perlu mengambil kursus kokurikulum mengikut komponen iaitu:<br>Sukan (CS…)<br>Kelab/Persatuan (CP…)<br>Unit Beruniform (CU…) |
| 3 | Saya telah mendapat keputusan MUET terkini dengan pencapaian Band 3. Dimanakah perlu saya kemaskini keputusan MUET saya? | Emelkan slip keputusan MUET anda kepada utma@upsi.edu.my untuk tujuan kemaskini. |
| 4 | Semasa saya memohon masuk ke UPSI, MUET saya ialah Band 2. Perlukah saya mengulang semula MUET untuk bergraduat? | Ya. MUET atau setaraf perlu mencapai sekurang-kurangnya Band 3 dan ke atas bagi memenuhi syarat bergraduat. Mohon rujuk Kaedah Universiti bagi perincian keperluan MUET atau setaraf bagi setiap program. |
| 5 | Saya merupakan pelajar program Geografi dan sijil MUET saya akan luput pada tahun 2021 tetapi saya akan tamat pengajian pada tahun 2022. Perlukan saya mengulang semula MUET Band 3 saya? | Tidak perlu mengulang MUET. |
| 6 | Saya telah mengulang peperiksan MUET sebanyak dua kali dan keputusan masih Band 2. Bolehkah saya mengambil subjek General English? | Tidak boleh. Subjek General English tidak ditawarkan mulai kemasukan A191 |

## FAQ 3 : PENGECUALIAN PTPTN

| BIL. | SOALAN | JAWAPAN |
|---|---|---|
| 1 | Bagaimanakah cara saya ingin mendapatkan Surat Pengesahan Kelas Pertama bagi pengecualian PTPTN? | Bagi permohonan pengesahan dokumen saudara/i perlu menghantar dokumen seperti di bawah ke bahagian ini :<br>1. Surat Tamat Pengajian<br>2. Transkrip Akademik (Bahasa Melayu)<br>3. Skrol (Bahasa Melayu)<br><br>Dimaklumkan bahawa semua dokumen tersebut perlu diserahkan *hardcopy* di Kaunter Unit Pengijazahan, BHEA bagi urusan pengecualian PTPTN.<br><br>Selepas 3 (tiga) hari bekerja baru graduan boleh datang dan mengambil dokumen yang telah disahkan beserta Surat Pengesahan Kelas Pertama. |
| 2 | Bolehkah saya mendapatkan pengesahan dokumen melalui emel? | Tidak. Dokumen yang dihantar melalui email tidak akan diproses. |
| 3 | Berapa lamakah tempoh yang diambil untuk urusan pengesahan dokumen untuk PTPTN? | Dalam tempoh 1 – 3 hari bekerja (tidak termasuk Sabtu dan Ahad) |

## FAQ 4 : HAL-HAL PENGIJAZAHAN

| BIL. | SOALAN | JAWAPAN |
|---|---|---|
| 1 | Saya baru tamat pengajian / latihan mengajar / latihan industri dan berhasrat menyambung pengajian di peringkat Sarjana, bagaimana saya ingin mendapatkan pengesahan status pengajian saya? | Adalah dimaklumkan Unit Pengijazahan, BHEA tidak lagi mengeluarkan Surat Jangkaan Tamat.<br><br>Walau bagaimanapun, pelajar boleh memohon Surat Pengesahan Pelajar melalui Portal masing-masing. Untuk makluman di dalam surat tersebut ada dinyatakan tarikh akhir pengajian. |
| 2 | Saya sudah tamat pengajian dan disahkan di dalam Senat Universiti, bagaimanakah saya ingin mendapatkan Surat Tamat Pengajian saya? | Surat Tamat Pengajian bagi pelajar yang telah disahkan Tamat Pengajian oleh Senat boleh dimuat turun melalui pautan ini https://emysis3.upsi.edu.my/grads/ |
| 3 | Saya mendapat tawaran Biasiswa Anak Negeri / Tajaan Biasiswa dari Syarikat XXX yang memerlukan Surat Pengesahan Kelas Pertama bagi pengecualian bayaran / diskaun. Di mana perlu saya memohon? | Emelkan permohonan anda kepada pengijazahan.bhea@upsi.edu.my bagi mendapatkan Surat Pengesahan Kelas Pertama. |
| 4 | Saya merupakan pelajar antarabangsa, boleh kah jika saya ingin mendapatkan surat Medium of Instruction? | Boleh. Saudara/i boleh mengemailkan permohonan tersebut ke pengijazahan.bhea@upsi.edu.my |
| 5 | Saya merupakan pelajar tajaan Yayasan Kelantan Darulnaim (YAKIN) bagaimana prosedur jika pihak yayasan ingin mendapatkan pengesahan pelajar? | Pihak yayasan atau mana-mana badan yang memberikan biasiswa boleh menghantar surat permohonan pengesahan bagi status pengajian pelajar dengan menghantar satu surat permohonan pengesahan status pelajar sama ada melalui pos atau email. |

**FAQ 5 : ISTIADAT KONVOKESYEN KALI KE-26 TAHUN 2024**

| BIL. | SOALAN | JAWAPAN |
|---|---|---|
| 1. | Bilakah tarikh Istiadat Konvokesyen UPSI bagi tahun 2024? | Istiadat Konvokesyen UPSI Kali Ke-26 bagi tahun 2024 adalah pada 23 hingga 30 November 2024. |
| 2. | Saya merupakan pelajar Diploma Pendidikan Lepasan Ijazah (DPLI) yang baru menamatkan pengajian pada Senat 12 April 2024 yang lalu, bagaimana saya ingin mengetahui tarikh bagi Istiadat Konvokesyen? | Graduan boleh merujuk Laman Sesawang Rasmi bagi Istiadat Konvokesyen UPSI di https://konvokesyen.upsi.edu.my/<br><br>Sesi Istiadat Konvokesyen saudara/i akan dimuat naik di laman web Istiadat Konvokesyen UPSI di https://konvokesyen.upsi.edu.my/.<br><br>Graduan juga akan menerima sms sebulan sebelum daripada tarikh Istiadat Konvokeyen. |
| 3. | Saya merupakan pelajar yang telah tamat pada Mesyuarat Senat 30 Ogos 2024. Bagaimana jika saya ingin mengetahui sama ada saya akan berkonvo tahun ini atau tahun hadapan. | Graduan yang layak berkonvokesyen akan menerima sms bagi pengesahan kehadiran ke Istiadat Konvokesyen.<br><br>Pengesahan kehadiran ini boleh dilakukan melalui portal pelajar. |
| 4. | Saya telah mengesahkan kehadiran ke Istiadat Konvokesyen. Apakah yang perlu saya lakukan seterusnya? | Graduan boleh merujuk Laman Sesawang Rasmi Istiadat Konvokesyen UPSI di https://konvokesyen.upsi.edu.my/ mengenai tindakan sebelum, semasa dan selepas konvokesyen.<br><br>Sebarang hebahan terkini juga akan dimaklumkan pada laman web tersebut. |
| 5. | Semasa hari peminjaman pakaian akademik, apa yang perlu saya lakukan jika saya tidak dapat hadir? Walau bagaimanapun saya akan menghadiri Istiadat Konvokesyen tersebut. | Graduan perlu memaklumkan nama wakil di dalam Sistem Pengesahan kehadiran melalui portal masing-masing. Dokumen yang perlu di bawa adalah seperti berikut:<br><br>1. Borang Pinjaman Pakaian Akademik<br>2. Salinan Kad Pengenalan Wakil<br>3. Slip Kajian Pengesanan Graduan<br>4. Resit Yuran Konvokesyen<br>5. Resit Bayaran Denda (sekiranya ada)<br>6. Borang Aku Janji Pinjaman Pakaian Akademik (2 salinan) |
| 6. | Boleh atau tidak saya menukar tarikh pengambilan Pakaian Akademik dan saya tidak mempunyai wakil untuk berbuat demikian. | Tidak boleh. |
| 7. | Saya telah mengambil Pakaian Akademik tetapi saya baru perasan yang selempang saya salah, apa yang perlu saya lakukan? | Jika masih di dalam minggu peminjaman pakaian akademik, saudara/i digalakkan untuk terus ke Bilik Jubah dan memaklumkan kepada petugas bagi pertukaran tersebut.<br><br>Tetapi jika keesokan hari adalah sesi saudara/i, proses pertukaran boleh dilakukan di Panggung Percubaan, KSAS dengan memaklumkan kepada Pegawai yang bertugas. |

| | | |
|---|---|---|
| 8. | Bagi proses pemulangan pakaian akademik saya perlu membawa apa-apa dokumen? | Jika pakaian akademik dipulangkan sendiri oleh graduan, tiada dokumen yang perlu di bawa. |
| 9. | Adakah terdapat bayaran bagi pengambilan transkrip dan skrol? | Tiada bayaran yang dikenakan. |
| 10. | Sekiranya terdapat pertanyaaan berkaitan konvokesyen, bagaimanakah cara perhubungan? | **Perkara berkaitan Kehadiran, Pakaian Akademik, Skrol/Transkrip Akademik - Graduan DPLI, Sarjana Muda dan Diploma.**<br><br>Unit Pengijazahan<br>Bahagian Hal Ehwal Akademik, Kompleks Akademik<br>Kampus Sultan Azlan Shah<br>No. Telefon : 05 - 450 7096 / 7094 / 7092 / 7030<br>Hotline Unit Pengijazahan, BHEA : 013-446 3016<br>Emel : pengijazahan.bhea@upsi.edu.my<br><br>**Perkara berkaitan Kehadiran, Pakaian Akademik, Skrol/Transkrip Akademik - Graduan Sarjana dan Doktor Falsafah.**<br><br>Unit Penyeliaan Peperiksaan & Pengijazahan<br>Institut Pengajian Siswazah<br>Kampus Sultan Abdul Jalil Shah<br>No. Telefon: 05-450 5479 / 7010 / 5485<br>Hotline Unit Pengijazahan, IPS: 017-600 5485<br>Emel: uppp.ips@upsi.edu.my |